

Analisis Penentuan Jarak Ideal Antara Saf Solat Bagi Kedudukan Sujud Sempurna di Surau dan Masjid di Malaysia

Ezwan Rafiq Husin^{1*}, Mohd Hapiz Mahaiyadin¹, Farrah Payadhah Borhan¹

¹Akademi Pengajian Islam Kontemporari, Universiti Teknologi MARA,
40450 Shah Alam, Malaysia

*Pengarang Penghubung
ezwanrafiq@uitm.edu.my*, mohdhapiz659@uitm.edu.my,
farrahborhan@uitm.edu.my

Received: 28 August 2022
Accepted: 12 October 2022
Online First: 1 November 2022

ABSTRAK

Solat merupakan tiang agama yang menjamin kesempurnaan iman seseorang Muslim. Kecacatan ibadat di dalam solat turut mengurangkan pahala dan menyebabkan hilang ketenangan emosi bagi pelakunya. Justeru kajian ini bertujuan untuk menganalisis kualitatif jarak ideal antara saf solat di hadapan dengan saf solat di belakang bagi pergerakan sujud sempurna mengikut ketinggian jemaah normal di Malaysia. Seramai tujuh orang makmum yang memenuhi kriteria dipilih sebagai informan untuk ditemubual kerana analisis mendapati temu bual ke atas kesemua tujuh orang jemaah telah mencapai ketepuan maklumat berkaitan jarak ideal saf dan sujud yang sempurna. Analisis kajian kes secara mendalam dijalankan bagi memaparkan data diperolehi. Bacaan Cohen Kappa terhadap perbezaan persetujuan pakar dari senarai semak temu bual adalah sebanyak 0.78 iaitu pada tahap sederhana. Kajian mendapati keseluruhan seramai 7 orang bersetuju bahawa jarak antara saf belakang dengan saf hadapan perlu dilebihkan bagi mendapatkan pergerakan sujud yang sempurna mengikut ketinggian badan jemaah yang normal di Malaysia. Kajian turut mendapati pertambahan jarak sebanyak 30 sentimeter antara saf hadapan



dengan saf belakang membolehkan jemaah melakukan pergerakan sujud yang sempurna di dalam solat. Penyelarasan jarak antara saf hadapan dan saf belakang bagi pengamalan masjid dan surau seluruh Malaysia mampu menyebarkan lagi kebaikan para jemaah dalam mencapai kualiti pergerakan sujud yang sempurna seterusnya mengeratkan silaturrahim dan menggapai khusyuk di dalam solat.

Kata kunci: *Jarak Saf, Malaysia, Masjid, Solat, Sujud, Surau*

Analysis of Determining the Ideal Distance Between Prayer Lines for the Perfect Sujud Position in Malaysia's Surau and Mosque

ABSTRACT

Prayer is a religious pillar that ensures the perfection of a Muslim's beliefs. Defects in worship and prayer also lessen the reward and cause the perpetrator to lose emotional tranquilly. As a result, the purpose of this study is to qualitatively examine the ideal distance between the prayer row in front and the prayer row behind for the correct prostration action based on the height of a typical Malaysian congregation (makmum). Because the analysis revealed that the interview of all 7 makmum had reached saturation of information related to the ideal distance of the row and the ideal prostration, a total of 7 makmum who fit the requirements were chosen as informants interviewed. To represent the data acquired, an in-depth case study analysis was performed. Cohen Kappa on the difference in expert agreement from the interview checklist is 0.78, considered moderate. According to the survey, respondents confirmed that the distance between the rear and front rows should be extended to achieve a proper prostration movement based on the congregation's usual body height in Malaysia. The study also discovered that widening the space between the front and rear rows by 30 centimeters helps the congregation to conduct a perfect prostration movement in prayer. The coordination of the distance between the front row and the back row in mosques and suraus throughout Malaysia can further propagate the goodness of the congregation in achieving

the perfect quality of prostration movement, thereby strengthening the relationship and attaining reverence in prayer.

Keywords: Row Distance, Malaysia, Mosque, Prayer, Prostration, Surau

PENGENALAN

Solat merupakan tiang agama Islam bagi melambangkan kekuatan penganutnya. Kepentingan amalan ini dapat dilihat melalui penyenaaran solat sebagai rukun Islam yang kedua selepas mengucap dua kalimah syahadah. Tanpa amalan solat, amalan lain tiada nilai dan tidak diterima di sisi Allah SWT (Bidin & Khalid, 2020). Hal ini bertepatan dengan kemampuan solat yang dilakukan dengan khusyuk dan betul dalam mendorong orang Islam mencapai kejayaan di dunia dan di akhirat.

Bahkan laungan azan yang menyeru kepada solat itu sendiri turut menyeru orang Islam untuk mencapai kejayaan selaras dengan mafhum ayat ke-2 surah al-Mukminun. Dalam masa yang sama pintu ijtihad dan fatwa sentiasa berkembang mengikut Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia (MKI) dan majlis fatwa di peringkat negeri-negeri. Fatwa atau penyelarasan baru di dalam solat bukanlah perkara baru dan asing untuk berlaku di Malaysia mahupun di dunia.

MKI pernah membuat penyelarasan bahawa waktu solat Subuh yang sebenar adalah lebih awal 8 minit dari waktu solat yang terdapat dalam takwim terdahulu memandangkan perubahan parameter altitude matahari sebanyak 18° di bawah ufuk berbanding parameter sebelumnya sebanyak 20° (Pejabat Mufti Wilayah Persekutuan, 2019). Hal itu yang telah mendapat perkenan KBDYMM Seri Paduka Baginda Yang Di Pertuan Agong kemudian terlaksana dengan selaras di seluruh masjid dan surau bagi seluruh negara.

Penularan wabak COVID-19 memperlihatkan perubahan fatwa atau penyelarasan secara besar-besaran daripada MKI dan Jabatan Mufti Negeri-Negeri di seluruh negara berkaitan dengan penjarakan saf dan SOP hadir solat berjemaah di masjid dan surau. Maka bukanlah suatu kesalahan jika kajian ini bertujuan mengkaji semula jarak yang lebih ideal antara saf di

hadapan dengan saf di belakang supaya para jemaah dapat melaksanakan pergerakan sujud dengan sempurna dan mematuhi sunnah Nabi SAW.

LATAR BELAKANG

Ketidaktepurnaan sujud di dalam solat bukan sahaja boleh mencatatkan pahala amal ibadah, bahkan boleh menyebabkan solat itu sendiri terbatal. Pergerakan sujud yang tidak sempurna juga boleh menghilangkan khusyuk dan penghayatan dalam solat seperti dapatan Mohd Mansur et al. (2022). Antara kesalahan sujud yang membatalkan solat adalah seperti sujud dalam keadaan aurat terbuka (Pejabat Mufti Wilayah Persekutuan, 2020). Hal ini kebiasaannya berlaku ke atas remaja lelaki yang memakai baju t-shirt yang menutupi punggung secara singkat. Maka punggung mereka terdedah ketika sujud dan terbatal solat kerana punggung termasuk bahagian bawah dari pusat yang merupakan sebahagian aurat lelaki. Antara lain situasi sujud yang membatalkan solat adalah pergerakan sujud yang berlaku dalam keadaan keseluruhan anggota sujud tidak mencecah lantai sebagai syarat sah sujud. Anggota tersebut adalah seperti dahi, hidung, kedua telapak tangan, kedua belah lutut, dan keseluruhan isi perut jari-jari kaki. Kebiasaan salah satu dari kelima-lima anggota sujud tersebut tidak menyentuh lantai adalah samada disebabkan kejahilan jemaah, atau anggota sujud tersebut terlindung dengan sesuatu seperti hamparan selain sejadah atau rambut.

Pergerakan sujud yang tidak sempurna juga boleh mengurangkan pahala solat. Hal ini adalah seperti amalan turun dari sujud dalam keadaan yang ditegah Nabi SAW seperti kedudukan unta atau anjing. Turun dari sujud seperti unta adalah dengan mendahulukan kedua-dua lutut sebelum turunnya kedua-dua tapak tangan ke lantai (Al-Albani, 1984). Bagaimanapun terdapat khilaf berkaitan keutamaan anggota lutut atau kedua telapak tangan yang terdahulu atau terkemudian turun ketika sujud di sisi ulama' Mazhab Syafie (*Syafi'iyah*) di Malaysia menyebabkan perkara ini dianggap sebagai isu perbezaan khilafiyah dan diraikan.

Terdapat beberapa rukun sujud yang perlu dipatuhi oleh jemaah ketika solat iaitu pertama menggabungkan jari jemari untuk sujud, kedua sujud ke arah kiblat. Ketiga meletakkan kedua belah tangan selaras dengan kedua belah bahu. Keempat mengangkat tangan untuk sujud selaras dengan telinga, kelima mengangkat kedua lengan dari permukaan bumi secara

wajib dan jangan membentangkannya di bumi seperti anjing. Keenam meletakkan hidung dan dahi di bumi sebagai sebahagian dari rukun sujud. Ketujuh meletakkan kedua lutut ke bumi. Kelapan meletakkan kedua perut jari kaki ke bumi. Bidin & Khalid (2020) turut menggalakkan inovasi bagi menggalakkan para pelajar di Institusi Pengajian Tinggi (IPT) supaya rajin menunaikan solat di institusi masing-masing.

Permasalahan yang berlaku di sini ialah jarak yang pendek antara saf di hadapan dengan saf di belakang. Jarak ini dikatakan pendek kerana mengambil kira purata ketinggian normal jemaah yang solat di masjid dan surau di Malaysia. Jarak saf itu mengambil kira jarak sejadiah yang kebiasaannya digunakan. Beberapa isu yang sering timbul ketika sujud sewaktu solat berjemaah antaranya adalah makmum hadapan yang terpijak songkok atau kepala makmum di belakang ketika bangkit dari sujud.

Begitu juga kepala makmum di saf belakang yang termasuk ke dalam kain makmum di saf hadapan ketika bangkit dari sujud. Bagi mengelakkan perkara tersebut berlaku, makmum saf belakang terpaksa membengkokkan tubuh atau memendekkan jarak meletak dahi mereka ke tempat sujud. Maka paha mereka berada dalam keadaan tidak tegak dan tulang belakang mereka semakin membengkok ketika sujud. Pergerakan ini memperlihatkan sujud yang tidak sempurna seperti Rajah 1 di bawah:



Rajah 1: Sujud pendek dengan tulang belakang membengkok dan membengkokkan sudut kedudukan lutut dan paha



Rajah 2: Sujud sempurna dengan kurang membongkok, dan kedudukan sudut peha dan lutut yang tegak 90 darjah

Jarak antara saf hadapan dengan saf belakang bagi masjid dan surau di negara kita adalah berdasarkan ukuran standard sejadah dewasa iaitu sepanjang 108 sentimeter. Sedangkan purata ketinggian normal rakyat Malaysia adalah sebanyak 164.7 sentimeter untuk lelaki dewasa dan 153.3 sentimeter untuk wanita dewasa (Kementerian Kesihatan Malaysia, 2022). Jarak 108 sentimeter adalah mencukupi bagi rakyat Malaysia yang mempunyai ketinggian bawah kadar purata. Tetapi mereka yang berada pada ketinggian purata, jarak tersebut tidak mencukupi untuk sujud dengan sempurna. Apatah lagi untuk ketinggian melebihi kadar purata seperti yang telah ditetapkan Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM). Hal ini kerana bagi melakukan pergerakan sujud dengan sempurna, seseorang jemaah yang normal perlu menggunakan ruang sujud sebanyak 74% dari ketinggian asalnya ketika berdiri tegak. Penentuan kadar tepat lokasi meletakkan dahi ini turut membantu sudut pandang jemaah ketika berdiri (*qiyam*) yang mana disunatkan memandangi ke tempat sujud. Bahkan pandangan yang tidak terjaga ketika solat juga boleh mencacatkan kualiti pergerakan solat dan nilai pahala yang bakal diperolehi.

Imam al-Syafi'i (1990) menyukai amalan sujud dengan mengangkat dada dari kedua belah paha. Menjauhkan kedua lengan dan siku dari belakangnya sehingga tiada di bawah kedua bahunya yang tertutup (oleh lengan, siku, dan dadanya) berdasarkan teks hadith yang dibawa bersama. Pergerakan ini dapat kita fahami sebagai berlaku dalam Rajah 2 yang mampu dilakukan sekiranya jarak antara saf hadapan dengan saf belakang

ditambah sedikit. Rajah 2 juga sudah memperlihatkan dahi jemaah sudah mencecah hujung sejadah pada bahagian bulu rambu. Jarak saf seperti itu menyebabkan pertembungan dengan kaki jemaah hadapan kerana tiada jarak rizab saf disediakan.

Jarak saf yang tidak sempurna menyebabkan jemaah di saf belakang dan hadapan bertembung antara satu sama lain ketika jemaah belakang ingin sujud dan jemaah hadapan saf ingin bangkit berdiri atau dari duduk tasyahud kepada berdiri (Malik et al. 2019). Malik et al. (2019) juga mendapati bahawa ramai tidak berpuas hati dengan jarak saf sedia ada sepanjang 120cm kerana faktor pertembungan antara kepala jemaah di saf belakang dengan belakang badan jemaah di saf hadapan. Kedudukan tumit di dalam saf yang tidak teratur sebagaimana dapatan Abu Bakar et al. (2021) turut menambah lagi pertembungan antara jemaah di saf belakang dengan jemaah di saf hadapan menjadi permasalahan yang utama ketika solat. Akbarzadeh et al. (2019) juga memasukkan keluasan ruang di dewan solat ini sebagai sebahagian dari permasalahan kajian yang perlu diselesaikan. Berdasarkan hadith yang menceritakan sejarah Nabi SAW dan para sahabah, beliau mendapati perlunya ruang solat dipidahkan secara khusus dari bahagian bangunan lain yang mempunyai pelbagai peranan.

Maka sebagai penyelesaian untuk mendapatkan pergerakan sujud yang sempurna, jarak antara saf solat di hadapan dengan saf solat di belakang perlu ditambah sebagai jarak rizab untuk memberi keselesaan jemaah yang mempunyai ketinggian normal secara purata. Jarak tersebut perlulah mematuhi hukum fekah yang terdapat dalam kitab-kitab mazhab yang muktabar dan menjadi pegangan rasmi masyarakat Muslim di Malaysia. Hal ini bermaksud jarak antara saf hadapan dan saf belakang tidak boleh terlalu panjang sehingga dihukumkan sebagai haram atau makruh. Tidak juga terlalu pendek sehingga jemaah tidak mampu melakukan pergerakan sujud dengan sempurna.

Banyak kajian dilakukan oleh sarjana masa kini berkenaan dengan fasiliti masjid seperti jarak saf ketika COVID-19 (Ikbal, 2021), kedudukan mimbar (Nasir et al. 2022) pengiraan semula arah kiblat (Izzuddin, 2022), kedudukan dinding dan tiang yang mesra jemaah solat (Malik et al. 2019), dan lain-lain lagi. Terdapat kajian yang mempunyai perkaitan dan tiada perkaitan berkenaan perbahasan saf ketika sujud ini. Namun perbahasan

jarak saf ketika COVID-19 masih boleh dikaitkan dengan bidang kajian dalam artikel ini. Hal ini kerana jarak yang luas serta kedudukan berselang seli antara jemaah hadapan dengan jemaah belakang ketika COVID-19 secara tidak langsung menyebabkan jemaah mampu sujud dengan selesa tanpa perlu memendekkan kawasan sujud. Mereka mampu sujud dengan sempurna tanpa membengkokkan tulang belakang untuk mengelakkan diri dari terlanggar jemaah di hadapan samada ketika sujud mahupun bangkit dari sujud. Saf berselang seli secara tidak langsung memberikan ruang untuk mereka sujud dengan sempurna ketika COVID-19. Mereka masih boleh sujud dengan sempurna pasca COVID-19 sekiranya jarak rizab ditambah dalam keadaan saf normal.

METODOLOGI KAJIAN

Oleh kerana reka bentuk pilihan kajian ini adalah kajian kes kualitatif, temu bual telah dijalankan ke atas tujuh orang jemaah yang mempunyai karakter ditetapkan iaitu pertama ialah faham pergerakan sujud yang sempurna, kedua sihat atau normal dari sebarang kecacatan fizikal, dan ketiga ialah sihat atau normal dari sebarang kecacatan mental atau tingkahlaku. Syarat informan ini diperlukan untuk mendapatkan jawapan berdasarkan pengalaman dan pengetahuan yang benar berkenaan pergerakan sujud yang sempurna. Temu bual separa struktur dijalankan adalah kerana menurut Berg (2001), kaedah tersebut sangat sesuai untuk mendapatkan maklumat lapangan secara pengalaman sebenar di alam nyata. Jarak ideal antara saf hadapan dengan saf belakang memerlukan pengalaman yang sebenar bagi seseorang berdasarkan kesukaran yang dialami ketika pergerakan sujud atau bangkit daripadanya. Temu bual kaedah ini membolehkan maklumat diperoleh secara spontan tanpa bias dan lakonan (Gray, 2004).

Analisis tematik dilakukan dari transkrip dapatan temu bual untuk mendapatkan pandangan jemaah berkenaan keadaan saf sedia ada serta pandangan mereka berkenaan jarak rizab saf yang bakal ditambah. Dapatan kualitatif diperoleh dengan mendengar cerita informan secara mendalam sebelum bertanya soalan lain dan melakukan perbincangan atau kesimpulan sebagai semi struktur yang merangsang jawapan informan. Kesahan dan kebolehpercayaan senarai semak item temu bual telah diperoleh melalui pengedaran senarai semak kepada pakar dari pensyarah program Pengajian

Islam dengan pengiraan kesahan persetujuan pakar dengan bacaan sederhana iaitu bacaan Cohen-Kappa sebanyak 0.78. Hal ini menunjukkan dapatan bacaan yang masih kuat dan sah bagi senarai semak temu bual dinyatakan.

DAPATAN KAJIAN

Kesukaran Ketika Sujud

Informan 1 menyatakan bahawa beliau terpaksa membongkok atau membengkokkan tulang belakang apabila ingin melakukan sujud di dalam solat berjemaah. Beliau melakukan perkara tersebut bagi mengelakkan terlanggar jemaah di hadapan samada pada bahagian telapak kaki atau pada bahagian punggung. Informan ke-2, ke-3, dan ke-4 turut menyebut perkara yang sama. Informan ke-2 mengungkapkan disebalik pengalaman solat di kebanyakan masjid dan surau di Malaysia bahawa kebiasaannya untuk jemaah lelaki atau wanita yang mempunyai ketinggian bawah 170 sentimeter tidak akan mengalami masalah kerana jarak antara dua saf tersebut adalah mencukupi untuk mereka.

Bagaimanapun jarak tersebut sebagaimana sedia ada adalah tidak mencukupi sekiranya jemaah yang hadir mempunyai ketinggian melebihi 170 sentimeter bagi mereka melakukan pergerakan sujud dengan sempurna. Informan ke-3 bersetuju dengan kenyataan informan ke-2 kerana bagi beliau, sujud dengan menjarakkan dada dan siku dari paha menyebabkan ruang diperlukan dan jika tiada jarak tambahan kepala jemaah akan memasuki garisan saf tempat berpijak bagi jemaah hadapan. Informan ke-5 menceritakan bahawa saat kepala memasuki saf hadapan itulah berlaku insiden kepala jemaah belakang terpijak oleh jemaah hadapan. Berlaku juga insiden kepala jemaah belakang termasuk di dalam kain pelikat jemaah hadapan. Kedua-dua insiden ini kebiasaannya berlaku apabila jemaah belakang dan hadapan mula bangkit dari sujud. Menurut informan ke-5 lagi, walaupun para jemaah saling memahami dan memaafkan antara satu sama lain, insiden tersebut menunjukkan situasi tidak selesa dan memerlukan penambahbaikan dalam pengurusan dan fasiliti di masjid dan surau.

Bangkit Dari Sujud

Informan 1 menyatakan bahawa insiden yang kerap berlaku ketika bangkit dari sujud adalah ketika bangkit dari sujud apabila kepala jemaah di saf belakang terkena belikat belakang jemaah di saf hadapan. Informan 2 pula menyatakan bahawa kepala jemaah di saf belakang juga sering melanggar punggung jemaah di saf hadapan sebagai sebahagian dari pengalaman dirinya. Informan 3 mengakui pengalaman yang sama dengan menambah bahawa kebiasaannya selepas solat beliau dan jemaah hadapan tidak bermaafan kerana insiden tersebut dianggap oleh mereka sebagai tidak sengaja dan bukan perkara besar. Informan 4 merasakan insiden tersebut tetap mendatangkan rasa tidak selesa dan beliau berazam supaya insiden tersebut tidak berlaku kembali ke atas dirinya. Informan 5, 6, dan 7 bersetuju terhadap perkara yang sama.

Kedudukan Anggota-Anggota Tubuh Ketika Sujud

Informan 1 bersetuju jika jarak ditambah, akan menjadikan beliau lebih selesa meletakkan dahi ketika sujud berbanding keadaan sekarang. Informan 2 menambah bahawa sujud tersebut mampu menempatkan hujung hidung dan postur tubuh dalam keadaan sempurna dan selesa bagi jemaah yang mempunyai ketinggian melebihi 170 sentimeter. Informan 3 mengakui bahawa kedua telapak tangan dan kedua siku dapat dibuka lagi sekiranya jarak saf hadapan dengan saf belakang ditambah. Informan 4 memberitahu bahawa kedudukan dada agak berdekatan dengan kedua lutut dan kedua paha apabila beliau terpaksa mengelakkan kepala atau songkoknya dipijak jemaah di hadapan secara tidak sengaja ketika bangkit dari sujud. Informan 5, 6, dan 7 mengalami hal yang sama dan mereka mengakui tidak begitu selesa untuk sujud dalam keadaan tersebut. Mereka turut tidak berasa selesa apabila memaksa tulang belakang untuk membongkok untuk sujud pada saf yang lebih pendek bagi mengelakkan kepala mereka bertembung dengan jemaah di saf hadapan.

Peratus Ketinggian Badan Ketika Sujud


Keseluruhan informan bersetuju dengan penambahan jarak rizab sebanyak 30 sentimeter antara saf hadapan dengan saf belakang kerana hasil pengiraan bagi menghasilkan pergerakan sujud yang sempurna mendapati sebanyak 74% dari jarak ketinggian sebenar dari tapak kaki ke kepala

akan digunakan untuk jemaah melakukan sujud. Sebagai contoh sekiranya ketinggian dari tapak kaki hingga ke kepala jemaah adalah sebanyak 175 sentimeter, maka ketinggian dari tapak kaki hingga ke kepala jemaah ketika melakukan sujud adalah sebanyak 130 sentimeter. Dengan itu, penambahan jarak rizab saf sebanyak 30 sentimeter dari jarak asal dijangka mampu memuaskan hati ramai jemaah yang mempunyai ketinggian 170 sentimeter dan ke atas.

PERBINCANGAN

Keseluruhan tujuh orang informan mendapati bahawa mereka amat bersetuju sekiranya jarak rizab ditambah antara saf hadapan dengan saf belakang berdasarkan pengalaman mereka melakukan pergerakan sujud di dalam solat. Persetujuan mereka ini adalah sama dengan kenyataan Malik et al. (2019) yang turut mencadangkan penambahan jarak antara saf solat di hadapan dan di belakang. Keseluruhan informan juga dapat menghubungkan antara pengetahuan sujud sempurna yang diperoleh dengan keselesaan tubuh mereka dalam mempraktikannya seperti pernyataan Al-Albani (1984) dan Imam Al-Syafi'i (1990).

Hal ini menunjukkan pergerakan sujud sempurna bukan sahaja menepati teori dari hadis Nabi SAW dan syarah ulama untuk menambah pahala. Bahkan sujud sempurna menjadikan tubuh berada dalam keadaan selesa untuk mempraktikannya. Mengelakkan insiden pertembungan dengan jemaah di hadapan mereka juga menunjukkan elemen keselesaan dalam menggunakan fasiliti masjid dan surau yang tersedia. Mereka mengakui keadaan saf yang berjarak dan berselang-seli semasa SOP COVID-19 seperti perbincangan Ikbal (2021) secara tidak langsung memberi peluang mereka memanjangkan ruang sujud dan mencapai keselesaan ketika beribadah. Maka situasi normal ketika saf rapat pasca SOP COVID-19 menjadikan mereka bersetuju penambahan jarak sebagai ruang rizab antara saf hadapan dan saf belakang bagi memudahkan pergerakan sujud yang sempurna dan mengelakkan insiden pertembungan sesama jemaah ketika menunaikan solat. Insiden tersebut yang dapat dielakkan sesama jemaah dapat meningkatkan kemesraan sesama jemaah dan mengeratkan silaturrahim. Rajah 1 di bawah menunjukkan dapatan perbincangan berkenaan kajian ini.



Rajah 1: Kebaikan Penambahan Jarak Saf yang Dapat Diperoleh

KESIMPULAN

Sebagai kesimpulan jarak antara saf perlu diambil kira sebagai sebahagian dari fasiliti surau dan masjid yang perlu diperbaharui dan diselaraskan untuk memberi keselesaan dan kesempurnaan sujud sebagai sebahagian dari pergerakan di dalam solat. Hal ini kerana urusan fasiliti ibadat bukanlah ritual yang perlu terikat dengan teks Islam dari al-Quran dan as-Sunnah. Banyak fasiliti masjid yang telah diubah berlainan dari masjid zaman Nabi SAW seperti kubah, simbol bulan dan bintang, mimbar, karpet, penghawa dingin, taman permainan, dewan seminar dan lain-lain. Kelengkapan ini semua adalah untuk memberi keselesaan ketika solat berjemaah. Jika fasiliti dan kelengkapan ibadat untuk keselesaan ketika solat perlu disediakan. Maka fasiliti ibadat seperti penambahan jarak saf untuk kesempurnaan sujud ketika solat lebih perlu disediakan.

PENGHARGAAN

Pengarang mengucapkan terima kasih kepada pihak jemaah surau dan masjid sekitar Selangor yang telah memberikan kerjasama bagi menjayakan aktiviti temu bual berkait dengan topik artikel. Pengarang turut mengucapkan terima kasih terhadap rakan pensyarah di ACIS UiTM Shah Alam yang menyumbangkan idea dalam penghasilan artikel ini.

KONFLIK KEPENTINGAN

Para pengarang dengan ini mengisytiharkan bahawa pihak kami tiada kepentingan kewangan atau hubungan peribadi dalam menulis artikel ini.

SUMBANGAN PENULIS

Penulis pertama membentangkan idea utama dan menulis struktur artikel. Penulis kedua mencadangkan metode kajian dan bahan rujukan tambahan untuk dimasukkan. Penulis ketiga menambah isi penulisan sebelum dihantar ke laman JCIS.

RUJUKAN

- Abu Bakar, Z., Omar, M., Mat Saat, E. H., Misnan, M. F., Ahmad, M. F., Mohamad Radzi, M. E. S., Elias, E. M., (2021). Developing IoT-Based Saff Straightener Monitoring System Prototype for Congregational Prayers Using Arduino as a Microcontroller. *Journal of Contemporary Islamic Studies*. p. 101-114.
- Akbarzadeh, M., Vanak, M. P., dan Mozaffar, F., (2019). Architectural Criticism of Nasir al-Molk Mosque in Shiraz Based on Religious Text. *Bagh-e Nazar*, 16(78), p. 57-74.
- Al-Albani, Muhammad Nasir al-Din. (1984). *Talkhis Sifat Solat al-Nabi Salla Allah 'Alayh wa Sallam*. Beirut: Maktab al-Islami.
- Al-Shafi'e, Abu 'Abd Allah Muhammad bin Idris bin al-'Abbas bin 'Uthman bin Shafi' bin 'Abd al-Muttalib bin 'Abd Manaf al-Mutallibi al-Qurashi al-Makki. (1990). *al-'Umm*. Beirut: Dar al-Ma'rifah.
- Berg, B. L., (2001). *Qualitative Research Methods for The Social Sciences*. Boston: Allyn and Bacon.

Bidin, H. dan Khalid, M. N., (2020). Kajian Pemahaman dan Pelaksanaan Ibadah Solat Fardhu. *E-Journal of Islamic Thought and Understanding*. Vol. 2, p. 1-14.

Gray, D. E. (2004). *Doing Research in The Real World*. London: Sage Publications.

Ikbal, M. (2021). Variations in Shaf Distance in Prayer; Comparative Study Between The Shafi'i School and The Maliki School. *MAZAHIBUNA: Jurnal Perbandingan Mazhab*. Vol. 3, No. 1. p. 35-48.

Izzuddin, A. (2022). The Problems of The Relationship Between Science and Religion in Qibla Direction Calibration at The Great Mosque of Demak and Baiturrahman Mosque in Semarang, Indonesia. *JIL: Journal of Islamic Law*. Vol. 3, No. (2), p. 111–131.

Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM). https://twitter.com/health_malaysia/status/1523954890015330304, 2022.

Malik, M. I., Mujahid, B., and Jamil, F. (2019). Developing Standards for Mosque Design in Lahore, Pakistan. *Journal of Islamic Thought and Civilization (JITC)*. Vol. 9, p. 147-164.

Mohd Mansur, S. K., Abd Rahim, S. I., Zainal, N. H., (2022). Kajian Tahap Penghayatan Solat Fardhu dan Faktor Pelaksanaannya Dalam Kalangan Mahasiswa UiTM Shah Alam. *Journal of Contemporary Islamic Studies*. p. 79-98.

Pejabat Mufti Wilayah Persekutuan, (2019). *Bayan Linnas Khas: Isu Pertambahan Waktu 8 Minit Bagi Permulaan Azan Subuh dan Hukum Solat Subuh Sebelum Masuk Waktu*. Dalam <https://muftiwp.gov.my/artikel/bayan-linnas/3858-bayan-linnas-khas-isu-tambahan-waktu-8-minit-bagi-permulaan-azan-subuh-dan-hukum-solat-subuh-sebelum-masuk-waktu>. Diakses pada 15 Julai 2022.

Pejabat Mufti Wilayah Persekutuan, (2020). *Al-Kafi: Imam Pakai Baju Singkat Nampak Aurat Semasa Solat*. Dalam <https://muftiwp.gov.my/artikel/al-kafi-li-al-fatawi/4141-al-kafi-1586-imam-pakai-baju-singkat-nampak-aurat-semasa-solat>. Diakses pada 15 Julai 2022.

Nasir, N., Tami, H., and Adnan, N. A., (2022). Study on the Anthropometric Data of Ergonomic on Existing Mimbar Designs at Johor's Mosques. *Recent Trends in Civil Engineering and Built Environment*. Vol. 3, No. (1). p. 814-823.

